

PLBE lonjak khidmat kereta api

Projek infrastruktur mampu rangsang pengangkutan rel antara bandar

Oleh Nurhayati Abillah
bhnews@bharian.com.my

PADANG RENGAS: Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Ipoh-Padang Besar yang kini siap 57 peratus, dijangka mampu menggalakkan lebih ramai orang menggunakan perkhidmatan kereta api sebagai pengangkutan alternatif.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha, berkata rekod menunjukkan penggunaan kereta api di kalangan rakyat di negara ini hanya tiga peratus, sedangkan di negara maju adalah 30 peratus.

"Sambutan positif penggunaan perkhidmatan kereta api elektrik (ETS) antara Ipoh-KL Sentral yang dilancarkan Ogos lalu menunjukkan sistem pengangkutan itu mula mendapat tempat di kalangan rakyat," katanya berucap pada majlis penembusan peringkat akhir Terowong Berkembar Berapit, di sini, semalam.

PLBE adalah projek infrastruktur terbesar negara setakat ini yang direka khas untuk kegunaan set kereta api elektrik yang boleh mencapai kelajuan sehingga 140 km/jam dan dijangka merangsang pembangunan pengangkutan rel antara bandar menjelang 2013.

Projek yang diterajui MMC-Gamuda JV dengan kos RM12.49 bilion itu, membabitkan laluan sejauh 329 kilometer (km) merentasi empat negeri iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Selain Terowong Berkembar Berapit yang berukuran 3.3 kilometer (km), dua lagi projek yang masih dalam pembinaan ialah Terowong



PEKERJA meraikan kejayaan penembusan peringkat akhir Terowong Berkembar Berapit di Padang Rengas, Perak, semalam.

Larut (342 meter) dan Jambatan Marin Bukit Merah (berukuran 3.5 km).

Cho Ha berkata, matlamat utama pelaksanaan PLBE juga adalah selaras dengan dasar Rancangan Malaysia Kesembilan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur kepada rakyat dan usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Kita sudah berada pada landasan betul ke arah meningkatkan sistem pengangkutan awam di seluruh ne-

“Kita berada pada landasan betul ke arah meningkatkan sistem pengangkutan awam di seluruh negara melalui pelaksanaan projek seperti PLBE”

Kong Cho Ha
Menteri Pengangkutan

gara melalui pelaksanaan projek seperti PLBE.

"Kerajaan mempunyai rancangan untuk melaksanakan projek sama membabitkan Gemas dan Johor Bahru dalam tempoh terdekat. Ia menjadi fasa terakhir atau pelengkap kepada pembinaan landasan berkembar di Pantai Barat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Cho Ha menegaskan pengusaha pengangkutan awam perlu lebih bertanggungjawab dalam mengenal pasti

pekerja atau pemandu mereka mematuhi piawaian sebelum memberi sebarang pekerjaan.

"Pengusaha perlu memastikan setiap pemandu mereka memiliki lesen memandu yang sah sebelum dibenarkan membawa kenderaan. Itu tanggungjawab syarikat," katanya mengulas kemalangan ngeri menyebabkan tujuh maut, manakala 38 cedera di Genting Sempah, Kilometer 36, Lebuhraya Karak, Jumaat lalu.